



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN JUMAAT, 28 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KERAJAAN SEDIA PERUNTUKAN RM7 JUTA URUS MONSUN TIMUR LAUT		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1477258/kerajaan-sedia-peruntukan-rm7-juta-urus-monsun-timur-laut	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/11/parlimen-rm7-juta-diperuntuk-hadapi-monsun-timur-laut/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2495918	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758351/berita/nasional/kerajaan-sedia-peruntukan-rm7-juta-urus-mtl-2025-2026	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2495974	BERNAMA.COM	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/terkini-banjir-kerajaan-sedia-peruntukan-rm7-juta-bagi-urus-mtl-20252026-nancy-549366	ASTROAWANI.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/27/kerajaan-sedia-peruntukan-rm7-juta-bagi-urus-mtl-2025-2026/	TVSARAWAK.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/27/rm7-juta-diperuntukan-untuk-perbelanjaan-segera-ketika-monsun-timur-laut/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	BANTUAN WANG IHSAN: DISALUR DALAM MASA 1-3 HARI SELEPAS PPS DITUTUP		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bantuan-wang-ihsan-disalur-dalam-masa-1-3-hari-selepas-pps-ditutup	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/parlimen-tiada-bantuan-banjir-disekat-sumbangan-perlu-diselaras/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/27/menteri-nafi-dakwa-serahan-bantuan-banjir-dihalang	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/27/minister-dismisses-claims-of-hindered-flood-relief-aid	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/27/household-heads-to-receive-aid-within-three-days-after-pps-closure-says-nancy	THESTAR.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=7t6dDoH42Jg	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SEVEN MALAYSIAN CITIES INCLUDING KL, KUCHING AND IPOH JOIN WHO'S GLOBAL AGE FRIENDLY NETWORK		POSITIF
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/11/27/seven-malaysian-cities-including-kl-kuching-and-ipoh-join-whos-global-age-friendly-network/199849	MALAYMAIL.COM	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/11/27/taiping-sibu-kuching-dan-petaling-jaya-antara-7-bandar-mesra-warga-emas-diiktiraf-who	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/27/taiping-sibu-and-petaling-jaya-among-seven-malaysian-cities-listed-in-whos-age-friendly-network	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	36 KANAK-KANAK GISBH DI BAWAH SELIAAN JKM MASIH BERSEKOLAH		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/36-kanak-kanak-gisbh-di-bawah-seliaan-jkm-masih-bersekolah/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758340/edisi/perak/36-kanak-kanak-gisbh-bawah-jkm-perak-masih-bersekolah	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	PENDAFTARAN AWAL ANAK OKU, PASTIKAN PEMULIHAN LEBIH EFEKTIF		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pendaftaran-awal-anak-oku,-pastikan-pemulihan-lebih-efektif	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	29,400 MANGSA DIPINDAHKAN, 216 PPS DIAKTIFKAN DI 35 DAERAH DI 7 NEGERI		NEUTRAL
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1292851/29400-mangsa-dipindahkan-216-pps-diaktifkan-di-35-daerah-di-7-negeri	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/jumlah-mangsa-banjir-berlindung-di-pps-di-9-negeri-mencecah-29457-pagi-ini/	BULETINTV3.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1324132/nancy-says-29400-affected-monsoon-floods-kelantan-sees-worst-impact	NST.COM.MY	
	https://themalaysianreserve.com/2025/11/27/govt-strengthens-flood-preparedness-as-over-29000-evacuated-nationwide/	THEMALAYSIANRESERVE.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758347/berita/semasa/mangsa-banjir-catat-29441-orang-219-pps-dibuka	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1477112/banjir-lebih-29000-masih-berada-di-pusat-pemindahan-kelantan-paling	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/11/parlimen-9058-pps-diaktifkan-seluruh-negara-tampung-2-2-juta-mangsa-banjir/	UTUSAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/27/paras-air-di-ijok-cecah-tahap-bahaya-15-pps-dibuka-di-selangor/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1292853/mangsa-banjir-di-kelantan-berkurangan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/27/banjir-mangsa-di-kelantan-turun-4-negeri-terus-meningkat	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2496288	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	KKDW RANCANG WUJUD TABIKA KEMAS KHAS AUTISME DI KOTA KINABALU, SANDAKAN TAHUN DEPAN		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kkdw-rancang-wujud-tabika-kemas-khas-autisme-di-kota-kinabalu-sandakan-tahun-depan/	BULETINTV3.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2496097	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/berita/tempatan/sabah-negeri-pertama-terima-dua-tabika-kemas-autisme-tahun-depan/	THESUN.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=tM0qsPV1PP0	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	SARAWAK PERKUKUH PERLINDUNGAN SOSIAL WARGA EMAS MELALUI PELBAGAI INISIATIF		POSITIF
	https://suarasarawak.my/sarawak-perkukuh-perlindungan-sosial-warga-emas-melalui-pelbagai-inisiatif/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/27/dun-sarawak-sarawak-tingkatkan-kemudahan-bantuan-warga-emas/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	KELUARGA BUDAK LELAKI KUTIP KOTAK DIBANTU ZAKAT SELANGOR SEJAK 2016		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/27/keluarga-budak-lelaki-kutip-kotak-dibantu-zakat-selangor-sejak-2016/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiatribune.news/agama/lembaga-zakat-selangor-bantu-keluarga-kanak-kanak-lelaki-kutip-kotak-terpakai-sejak-2016/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://buzzkini.my/trending/2025/11/27/kanak-kanak-tular-kutip-kotak-di-bangi-zakat-selangor-dedah-keluarga-adalah-penerima-zakat/	BUZZKINI.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	PERAK GOVT DENIES ELDERLY CARE CENTRES OVER CAPACITY, SAYS OCCUPANCY AT 75.5PC		NEUTRAL
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/11/27/perak-govt-denies-elderly-care-centres-over-capacity-says-occupancy-at-755pc/199868	MALAYMAIL.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/27/perak-denies-welfare-centre-applications-exceed-capacity-says-salbiah	THESTAR.COM.MY	
	https://mgperak.com/dakwaan-pusat-jagaan-jkm-warga-emas-lebih-kapasiti-tidak-benar/	MGPERAK.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=OOTRDEbnkh8	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	KANAK-KANAK TERJATUH DALAM LONGKANG DITEMUI LEMAS		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-terjatuh-dalam-longkang-ditemui-lemas/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1293169/kanak-kanak-lelaki-jatuh-longkang-ditemukan-lemas	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/11/kanak-kanak-ditemukan-lemas-600-meter-dari-lokasi-jatuh/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1477523/seorang-kanak-kanak-dikhuatiri-lemas-sebelum-hilang-disyaki-terjatuh	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758437/berita/semasa/kanak-kanak-dikhuatiri-lemas-jatuh-dalam-longkang	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/27/kanak-kanak-jatuh-longkang-hilang-dihanyutkan-arus-deras/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-lelaki-dikhuatiri-lemas-selepas-terjatuh-dalam-longkang-2/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1293114/kanak-kanak-lelaki-dikhuatiri-lemas-jatuh-dalam-longkang	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/kanak-kanak-dikhuatiri-lemas-dihanyut-arus-dalam-longkang/	UTUSAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/27/budak-10-tahun-dikhuatiri-lemas-di-melaka-akibat-dibawa-arus-hujan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
12	LELAKI DITAHAN SENTUH 3 PELAJAR PEREMPUAN TIDUR DALAM ASRAMA SEKOLAH		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1292908/lelaki-ditahan-sentuh-3-pelajar-perempuan-tidur-dalam-asrama-sekolah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1477309/3-pelajar-perempuan-dakwa-diraba-lelaki-ceroboh-asrama	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1292966/gangguan-seksual-di-asrama-kakitangan-sekolah-direman-7-hari	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/758339/berita/semasa/lelaki-ditahan-disyaki-lakukan-gangguan-seksual-terhadap-tiga-pelajar-mrsm	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/27/cops-nab-man-for-allegedly-molesting-teen-girls-at-mrsm-kuala-kububharu-dorm	THESTAR.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-disyaki-raba-3-pelajar-perempuan-ditahan/	BULETINTV3.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/polis-tahan-lelaki-disyaki-lakukan-gangguan-seksual-tiga-pelajar-di-asrama/	THESUN.MY	
	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2496024	BERNAMA.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/27/kakitangan-mrsm-direman-7-hari-siasatan-gangguan-seksual-di-asrama-perempuan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1292966/gangguan-seksual-di-asrama-kakitangan-sekolah-direman-7-hari	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/27/lelaki-ditahan-disyaki-sentuh-tiga-pelajar-perempuan-di-asrama-mrsm/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-suspek-kes-gangguan-seksual-pelajar-mrsm-549371	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/27/lelaki-ditahan-dipercayai-lakukan-gangguan-seksual-ke-atas-3-pelajar-mrsm/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://malaysiabangkit.com/sentuh-3-pelajar-perempuan-tidur-dalam-asrama-sekolah-seorang-lelaki-ditahan/	MALAYSIABANGKIT.COM	
	https://malaysiatribune.news/jenayah-mahkamah/suspek-gangguan-seksual-tiga-pelajar-mrsm-ditahan-polis/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/27/kakitangan-mrsm-direman-seminggu-didakwa-terlibat-kes-gangguan-seksual/	TVSARAWAK.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



28/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/11/1324141/man-arrested-sexual-harassment-against-three-students	NST.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/27/man-arrested-over-alleged-sexual-harassment-of-three-students	THESTAR.COM.MY	
	https://www.sinardaily.my/article/732035/focus/national/man-arrested-over-alleged-sexual-harassment-of-three-students	SINARDAILY.MY	
	https://mediaselangor.com/ms/2025/11/332597/lelaki-ceroboh-asrama-didakwa-lakukan-gangguan-seksual-terhadap-tiga-pelajar	MEDIASELANGOR.COM	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/11/27/tiga-pelajar-perempuan-mrsm-kuala-kubu-bharu-dicabul-ketika-tidur-siang-suspek-lelaki-umur-48-tahun	MSTAR.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=7dGPHgN8h9c	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
13	PELAJAR TINGKATAN 4 DITEMUI PENGSAN SELEPAS DIPUKUL DI BILIK AIR ASRAMA SEKOLAH		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1477230/pelajar-tingkatan-4-ditemui-pengsan-selepas-dipukul-di-bilik-air-asrama	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/27/remaja-direman-berkait-kes-pukul-pelajar-hingga-pengsan	FREEMALYSIATODAY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
14	PELAJAR DIPUKUL HINGGA PENGSAN: LIMA PELAJAR DIBUANG SEKOLAH, TIGA DIGANTUNG		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1293054/pelajar-dipukul-hingga-pengsan-lima-pelajar-dibuang-sekolah-tiga-digantung	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/11/1477455/5-pelajar-dibuang-sekolah-3-digantung-terbabit-pergaduhan-hingga-pelajar	BHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan sedia peruntukan RM7 juta urus Monsun Timur Laut

Oleh BERNAMA - November 27, 2025 @ 12:18pm



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri. - BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kerajaan menyediakan peruntukan RM7 juta bagi menampung perbelanjaan segera untuk semua negeri dan agensi berkaitan, bagi memastikan koordinasi dan operasi tindak balas berjalan lancar sepanjang tempoh monsun timur laut (MTL).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri, berkata peruntukan disalurkan menerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) termasuk bagi tujuan pemberian Bantuan Wang Ihsan (BWI), yang mula dilaksanakan bermula musim MTL 2025-2026.

"Ini penting kepada mereka yang jadi mangsa bencana ini... pembayaran BWI akan dibuat berdasarkan pendaftaran ketua isi rumah (KIR) mangsa bencana, melalui sistem MyInfo Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Bayaran akan dibuat secara terus kepada KIR oleh Bank Simpanan Nasional selaku bank pembayar yang dilantik dalam tempoh satu ke tiga hari, selepas pusat pemindahan sementara (PPS) ditutup," katanya mewakili Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Nancy berkata demikian menjawab soalan tambahan Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap) yang antara lain mahu tahu sama ada kerajaan bersedia memberikan insentif bantuan kewangan kepada mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membantu ketika banjir di seluruh negara.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bantuan Wang Ihsan: Disalur dalam masa 1-3 hari selepas PPS ditutup

Nasional - Dicipta: 27 November 2025 01:07 PM



Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR, 27 November - Ketua Isi Rumah (KIR) terjejas banjir yang berdaftar di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) akan menerima Bantuan Wang Ihsan (BWI) dalam tempoh satu hingga tiga hari selepas PPS ditutup.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, penyaluran bantuan lebih cepat itu adalah sebahagian penambahbaikan yang dilaksanakan bagi musim Monsun Timur Laut (MTL) 2025-2026.

"Pembayaran akan dibuat secara terus melalui Bank Simpanan Nasional (BSN), berdasarkan pendaftaran ketua isi rumah melalui sistem MyInfo Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," katanya ketika menjawab soalan ahli Parlimen Padang Terap di Dewan Rakyat.

Mengulas lanjut, beliau berkata, RM7 juta diperuntukkan kerajaan persekutuan kepada kerajaan negeri dan agensi penyelamat, bagi pengurusan operasi bencana sepanjang tempoh MTL.

Dalam pada itu, dakwaan kononnya usaha pihak tertentu menyalurkan sumbangan kepada penduduk terjejas banjir di PPS, telah dihalang atau disukarkan JKM, adalah tidak benar.

Tegas beliau, insiden berkaitan terjadi berkemungkinan disebabkan salah faham.

Kerajaan mengalu-alukan usaha mana-mana pihak untuk membantu penduduk terjejas banjir, bagaimanapun sebarang sumbangan perlu disalur melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).

Langkah itu bagi membolehkan jenis dan kuantiti bantuan direkodkan, sekaligus memudahkan penyaluran usaha pengagihan dan mengelak pertindihan mahupun pembaziran.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Seven Malaysian cities including KL, Kuching and Ipoh join WHO's global Age Friendly network



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the government is expanding age-friendly initiatives by improving infrastructure, promoting universal design, and monitoring progress through national councils to better support senior citizens. — Bernama pic

KUALA LUMPUR — Seven Malaysian locations have been included in the World Health Organisation's (WHO) global Age Friendly Cities and Communities (AFCC) network, the Dewan Rakyat was reportedly told yesterday.

According to *The Star*, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri listed the locations as Taiping, Ipoh, Penang, Sibul, Kuching, Petaling Jaya and Kuala Lumpur.

In a written reply to Siti Mastura Muhamad (PN–Kepala Batas), Nancy said the cities received recognition for efforts to create environments that better support older people.

She said the government is working with local authorities and public transport operators to expand age-friendly infrastructure and promote universal design.

These initiatives reportedly form part of the National Senior Citizens Action Plan (Ptwen) 2026–2030, which includes broadening age-friendly city and district projects and upgrading lifelong learning facilities at tertiary institutions to support senior learners.

Nancy added that progress is monitored by the National Senior Citizens Advisory and Consultative Council, whose Housing and Environment Sub-Committee is conducting access audits to assess whether public facilities meet universal design standards for senior citizens and persons with disabilities.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



36 kanak-kanak GISBH di bawah seliaan JKM masih bersekolah



SALBIAH Mohamed semasa Persidangan Sidang Dewan Undangan Negeri Perak hari ini. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

Oleh ASLIZA MUSA 27 November 2025, 140 pm

IPOH: Seramai 36 kanak-kanak berkaitan GISB Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) yang kini berada di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) masih meneruskan pendidikan di sekolah.

Pengerusi Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Salbiah Mohamed berkata, pemantauan secara berkala dijalankan bagi memastikan kanak-kanak itu tidak tercicir dalam pembelajaran.

Katanya, daripada 36 kanak-kanak berkenaan, empat orang telah melebihi usia 18 tahun manakala 13 orang lagi berumur enam tahun ke bawah.

"Bagi kanak-kanak GISBH, mereka ini di bawah seliaan pegawai pelindung JKM. Selain seliaan dan lawatan ke rumah secara berkala, JKM turut mengadakan sesi seliaan bersama ibu bapa dan penjaga.

"Kita cuba melakukan sehabis baik untuk kanak-kanak yang masih bersekolah. Seliaan dan pemantauan dijalankan bagi memastikan tidak berlaku keciciran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Muhammad Faisal Abdul Rahman (Trong-PN) pada Persidangan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak, di sini hari ini.

Menurut beliau, bagi penjagaan kanak-kanak, JKM Perak mengendalikan tiga institusi iaitu Rumah Kanak-Kanak Sultan Abdul Aziz di Kuala Kangsar, Sekolah Tunas Bakti di Taiping dan Taman Seri Puteri, Batu Gajah.

Katanya, sehingga November 2025, 231 kanak-kanak bersamaan dengan 51.3 peratus pengisian berada di institusi tersebut atas perintah mahkamah mengikut Akta Kanak-Kanak 2001.

"Penempatan kanak-kanak itu dilakukan setelah mereka dikenal pasti memerlukan perlindungan dan penjagaan sama ada kerana menjadi mangsa pengabaian, penderaan, eksploitasi atau tinggal dalam persekitaran keluarga yang tidak selamat.

"Bagi sebahagian remaja perempuan, penempatan turut memastikan mereka mendapat perlindungan khusus serta persekitaran selamat daripada sebarang risiko eksploitasi," katanya.

Tambah beliau, institusi JKM bukanlah tempat hukuman tetapi ruang perlindungan, pemulihan dan pembangunan menyeluruh untuk membina peluang baharu dan memberi peluang kedua kepada kanak-kanak. - UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pendaftaran awal anak OKU, pastikan pemulihan lebih efektif

Nasional - Dicipta: 27 November 2025 12:21 PM



Pathmanathan R.Nalasamy

KUALA LUMPUR, 27 November - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menggesa ibu bapa dan penjaga supaya mendaftarkan anak-anak kurang upaya (OKU) pada peringkat awal bagi memastikan pemulihan dapat dijalankan dengan lebih efektif.

Menurut Pengarah Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya JKM Pathmanathan R.Nalasamy, stigma dan penafian dalam kalangan keluarga masih menjadi penghalang utama berkenaan perkara itu.

"Ada ibu bapa yang menunggu sehingga lima atau enam tahun sebelum mendaftarkan anak sebagai OKU. Ini agak lewat kerana intervensi awal sangat penting," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menjadi tetamu Selamat Pagi Malaysia di Angkasapuri Kota Media di sini hari ini.

Pengesanan awal melalui pakar perubatan boleh membantu mempercepatkan proses pemulihan dan sokongan yang diperlukan.

Pada masa sama, Malaysia turut bersiap sedia menyambut Hari Orang Kurang Upaya peringkat kebangsaan pada 3 Disember serentak dengan sambutan peringkat antarabangsa.

Tema sambutan itu ialah 'Masyarakat Inklusif OKU, Kunci Kemajuan untuk Masyarakat' dengan pelbagai program di Perbadanan Putrajaya antaranya pertandingan sajak dan audio siar.

Acara kemuncak melibatkan penyampaian anugerah serta ucapan perasmian Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

JKM menegaskan bahawa OKU perlu sentiasa dilibatkan dalam setiap proses berkaitan pendidikan, pekerjaan dan pembangunan negara.

"OKU juga warganegara kita dan mereka berhak menikmati kehidupan seperti orang lain. Jangan pinggirkan mereka," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29,400 mangsa dipindahkan, 216 PPS diaktifkan di 35 daerah di 7 negeri

Mahani Ishak
mahani@bh.com.my



216 PPS diaktifkan di 35 daerah di 7 negeri. FOTO BERNAMA

Kuala Lumpur: Seramai 29,400 mangsa daripada 10,193 keluarga dipindahkan ke 216 pusat pemindahan sementara (PPS) di 35 daerah membabitkan tujuh negeri susulan hujan lebat berterusan sejak Monsun Timur Laut (MTL) bulan ini.

Menteri Pembinaan Wanita, Keluarga dan Kanak-Kanak Datuk Seri Nancy Shukri yang mewakili Perdana Menteri berkata, setakat 8 pagi hari ini sebanyak tiga daerah di Kelantan masing-masing Tumpat, Kota Bharu dan Bachok mencatatkan bilangan kemasukan ke PPS tertinggi di seluruh negara.

"Pemantauan situasi bencana ini dilaksanakan melalui pelbagai platform pemantauan dan data bagi penyelarasan secara real-time antara agensi terbabit dengan seramai 103,500 anggota daripada pelbagai agensi bersiap siaga.

"Selain itu, hampir 4,000 aset darat, air dan udara termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga mengaktifkan 9,058 PPS dengan kapasiti untuk menempatkan 2.2 juta mangsa di seluruh negara dengan tiga pusat pemindahan kekal bencana sedia digunakan," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap) mengenai status terkini situasi banjir di setiap negeri dan langkah kesiapsiagaan kerajaan menghadapi musim tengkujuh.

Nancy berkata, pelan komunikasi juga diperkemas bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan syarikat penyedia telekomunikasi bagi memastikan penyebaran amaran bencana dan mesej strategik kepada orang awam dapat dilaksanakan secara cepat.

"Kerajaan pusat juga bekerjasama rapat kerajaan negeri sentiasa komited membantu mangsa yang terjejas terutama dalam membina semula kehidupan selepas selepas bencana banjir.

"Namun begitu kesedaran awam terhadap kepentingan dan tanggungjawab pengurusan banjir perlu bermula dari peringkat masyarakat selaku responden pertama perlu terus ditekankan, diterap dan dipupuk," katanya.

Menjawab soalan tambahan Nurul Amin mengenai bantuan selepas banjir, Nancy menjelaskan kerajaan memperuntukkan RM7 juta bagi menampung perbelanjaan segera dan memastikan kelancaran koordinasi serta operasi tindak balas bencana semasa MTL 2025-2026.

"Selain itu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) akan melaksanakan pembayaran Bantuan Wang Ihsan (BWI) secara terus kepada mangsa bencana melalui sistem perbankan.

"Bayaran akan dibuat berdasarkan pendaftaran ketua isi rumah mangsa (KIR) melalui sistem MyInfo Bencana JKM dengan pembayaran dilakukan oleh Bank Simpanan Nasional antara satu hingga tiga hari selepas PPS ditutup.

"Selain bantuan kewangan, NADMA turut melaksanakan langkah penambahbaikan mekanisme pasca bencana termasuk bantuan awal pembersihan, perbaikan segera infrastruktur serta kerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan badan bukan kerajaan (NGO) melalui platform NADMA bagi memastikan penyampaian bantuan lebih efisien," katanya.

Menurutnya, mesyuarat pengurusan bencana turut dijalankan secara berterusan untuk menyesuaikan tindakan dengan situasi semasa dan ramalan cuaca sehingga Mac 2026.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KKDW rancang wujud Tabika KEMAS khas autisme di Kota Kinabalu, Sandakan tahun depan

🕒 27 November 2025, 5:17pm



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi – FOTO fail NSTP

Oleh: Rafiqah Dahali

BONGAWAN: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) merancang mewujudkan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) KEMAS, khusus untuk kanak-kanak autisme di Kota Kinabalu dan Sandakan di Sabah bermula tahun depan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid berkata, bagi tahun 2026, pihaknya juga akan meneliti keperluan membina sebuah lagi tabika konsep sama di Tawau.

“Untuk Sabah, kita akan beri keistimewaan untuk mewujudkan dua tabika dahulu, satu di Kota Kinabalu dan satu lagi di Sandakan.

“Kita akan lihat jika Tawau memerlukan satu lagi, maka kita akan buat tiga tabika untuk tahun hadapan. Bagi tahun 2027, satu tabika autisme akan diwujudkan bagi setiap daerah.

“Oleh kerana daerah di Sabah dan Sarawak terlalu luas, kita akan memohon peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan melalui Belanjawan 2027 untuk memperbanyakkan tabika autisme di dua negeri itu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Program Sentuhan Kasih Desa @ Bongawan di Dewan Terbuka Pekan Bongawan, di sini, hari ini.

Media sebelum ini melaporkan, KKDW bakal memperluaskan konsep tabika khusus untuk kanak-kanak autisme bermula tahun depan.

Ahmad Zahid berkata, bagi merealisasikan hasrat itu, pihaknya melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) akan bekerjasama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk membangunkan modul kurikulum khas.

Di Melaka, sebanyak tiga tabika KEMAS khas untuk kanak-kanak autisme telah dibina di Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rosey ketika menjawab soalan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak Ke-19, hari ini. | Foto: Ramidi Subari

Sarawak perkukuh perlindungan sosial warga emas melalui pelbagai inisiatif

KUCHING: Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS) terus memperkukuh perlindungan sosial kepada warga emas di negeri ini menerusi pelaksanaan pelbagai skim bantuan dan program sokongan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti, Datuk Rosey Yunus berkata antara inisiatif yang sedang dilaksanakan ialah Bantuan Warga Emas (BWE), Faedah Kesihatan Warga Emas (SCHB), Kenyalang Gold Card (KGC) beserta Bantuan Ihsan Kematian (BIK) selain penyediaan pusat perkhidmatan serta khidmat sokongan komuniti.

Menurutnya, BWE disalurkan kepada warga emas yang layak berumur 60 tahun ke atas dengan kadar RM600 sebulan bagi membantu menampung kos sara hidup asas.

"Bagi rawatan kesihatan pula, inisiatif SCHB menyediakan rawatan pesakit luar tanpa tunai sehingga RM500 setahun.

"Sehingga 30 Oktober lalu, seramai 156,193 warga emas telah memanfaatkan kemudahan itu dengan perbelanjaan keseluruhan RM39.7 juta melibatkan 263 klinik panel berdaftar," katanya.

Menjelas lanjut, Rosey berkata inisiatif KGC membolehkan warga emas menikmati pelbagai diskaun dan rebat melalui rangkaian peniaga berdaftar, yang mana sehingga 30 Oktober lalu, sebanyak 346,171 warga emas merupakan pemegang KGC di seluruh Sarawak.

"Di bawah inisiatif ini juga, hanya waris pemegang KGC yang layak akan menerima Bantuan Ihsan Kematian (BIK) bagi membantu meringankan kos pengebumian.

"Sehingga kini, seramai 27,291 waris telah menerima manfaat dengan jumlah perbelanjaan RM75.3 juta," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tebedu, Dr Simon Sinang mengenai bantuan kepada warga emas pada Persidangan DUN Sarawak Ke-19, hari ini.

Sementara itu, katanya dua Rumah Seri Kenangan (RSK) di Kuching dan Sibul kini menempatkan 75 dan 33 penghuni masing-masing yang terdiri daripada warga emas tanpa waris atau punca pendapatan.

Bagi penglibatan dan pembangunan sosial warga emas, katanya kerajaan Sarawak turut mengendalikan 29 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Iapan Pusat Perkhidmatan Warga Emas (PPWE) di seluruh negeri yang menawarkan program kerohanian, kesihatan, sosial, ekonomi serta aktiviti komuniti.

"Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) turut dilaksanakan dengan penyertaan 250 sukarelawan JKMS yang menyantuni 665 warga emas sehingga 30 Oktober tahun ini, melibatkan perbelanjaan RM2.5 juta," jelasnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gambar dimuat naik di Facebook Mohd. Izhar memaparkan seorang kanak-kanak lelaki mengutip kotak di sekitar Seksyen 15, Bandar Baru Bangi.

Keluarga budak lelaki kutip kotak dibantu Zakat Selangor sejak 2016

Oleh KOSMO! 27 November 2025, 2:39 pm

PETALING JAYA – Kanak-kanak lelaki yang tular mengutip kotak di sekitar Seksyen 15, Bandar Baru Bangi merupakan keluarga asnaf miskin berdaftar dengan Zakat Selangor sejak 2016.

Lembaga Zakat Selangor menerusi Facebook menjelaskan, berdasarkan siasatan dan maklumat Penolong Amil Kariah Masjid Teras Jernang, pihaknya mengesahkan ketua keluarga tersebut kini sedang menerima rawatan di hospital.

"Memunyai enam anak berusia antara empat hingga 21 tahun, bertempat di Seksyen 15, Bandar Baru Bangi

"Keluarga ini menerima pelbagai bantuan Zakat Selangor dari semasa ke semasa, antaranya bantuan kewangan bulanan, bantuan pendidikan, bantuan keperluan asasi, bantuan hari raya serta bantuan lain mengikut keperluan," menurut hantaran itu hari ini.

Zakat Selangor akan terus memantau situasi keluarga ini dan memastikan kebajikan mereka dijaga dengan sebaiknya.

"Terima kasih kepada masyarakat yang peka dan prihatin," kata Zakat Selangor.

Kosmo! Online malam tadi melaporkan, pendakwah dan personaliti televisyen, Profesor Madya Datuk Dr. Mohd. Izhar Ariff Mohd. Kashim berkongsi detik menyentuh hati apabila berpeluang membantu seorang murid yang mengutip kotak terpakai untuk dijual demi membantu keluarga.

Kejadian itu berlaku tengah hari tadi di Seksyen 15, Bandar Baru Bangi ketika beliau singgah untuk makan di kawasan berkenaan.

Mohd. Izhar dipetik berkata, berkata beliau mengajak murid itu makan bersamanya, namun ajakan tersebut pada mulanya ditolak dengan alasan tidak sesuai kerana keadaan dirinya yang tidak terurus.

Susulan kejadian itu, beliau merayu agar pihak wakil rakyat setempat dan Lembaga Zakat Selangor Cawangan Bangi meneliti nasib keluarga murid berkenaan yang disyaki hidup dalam kesempitan. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Perak govt denies elderly care centres over capacity, says occupancy at 75.5pc



Perak women, family, social welfare, cooperatives and entrepreneur development committee chairman Datuk Salbiah Mohamed denied claims that JKM care centres are over capacity, saying state-run institutions are operating at 75.5 per cent occupancy. — Bernama pic

By John Bunyan

Thursday, 27 Nov 2025 1:36 PM MYT

IPOH, November 27 — The Perak government today denied allegations that Social Welfare Department (JKM) care centres in the state, particularly those for older peoples, have exceeded their capacity.

Perak women, family, social welfare, cooperatives and entrepreneur development committee chairman Datuk Salbiah Mohamed said state-managed institutions are currently operating at 75.5 per cent occupancy out of 530 available slots.

"There has never been a situation where applications are so high that they exceed capacity or compromise the functions and welfare standards of the institutions," she said at the State Legislative Assembly at the Perak Darul Ridzuan Building here.

She said admission applications are assessed carefully based on eligibility requirements, case-by-case evaluations by protection officers, and court decisions.

"The state government does not rely solely on full-time care institutions," she added.

"The approach adopted is to build a broader and more proactive support network and ecosystem for senior citizens, encompassing community based care, family strengthening, caregiver empowerment, and social and economic empowerment."

Salbiah was responding to a question from PAS' Trong assemblyman Muhammad Faisal Abdul Rahman on how the government manages admissions to JKM's care centres, which were alleged to have exceeded capacity.

Under the Perak Sejahtera 2030 plan, she said older people are prioritised through programmes such as the Vulnerable Group Care programme, the operation of Senior Citizen Activity Centres (PAWE), home assistance services, and collaborations with non-governmental organisations and registered private care centres.

Another key initiative is the Perak Care and Compassion programme, coordinated by the Women and Community Development Secretariat.

"The programme provides TVET training in senior citizen care for volunteers, care centre operators, and family caregivers, establishes a database of certified caregivers, and supports career and entrepreneurial development in the senior care sector," said Salbiah.

She said the state has also introduced the Senior Citizens Fit programme, which offers health screenings, aerobic exercises, healthy lifestyle education, and social interaction activities.

The programme has been implemented in several districts, including Gerik, Selinsing, Trong, Behrang, Pengkalan Baharu, and Chenderoh.

Through Wanita Perak, she said the state has further strengthened family support, raised awareness of senior citizen health, and engaged care centre operators and local NGOs.

"These efforts form part of an ageing-in-place strategy, encouraging older people to remain in their communities with support from family, neighbours, and organised care networks rather than relying solely on institutional care," she said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak terjatuh dalam longkang ditemui lemas

🕒 27 November 2025, 11:23pm



Foto JBPM

ALOR GAJAH: Kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun yang terjatuh ke dalam longkang, ketika hujan lebat di Taman Bidara Permai, Masjid Tanah, di sini, petang tadi, ditemui lemas.

Ia disahkan Ketua Zon 2, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka, Zulhairani Ramli.

Mayat mangsa ditemui tersangkut pada sebatang pokok, jam 8.35 malam tadi.

Dalam kejadian jam 5.40 petang itu, mangsa dipercayai tergelincir, sebelum dihanyutkan arus deras menuju ke kawasan tadahan air berdekatan.

Terdahulu, pihak bomba menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 5.47 petang.

Sepasukan 13 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Masjid Tanah dikerahkan ke lokasi dan tiba pada jam 6 petang untuk operasi mencari dan menyelamat (SAR).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki ditahan sentuh 3 pelajar perempuan tidur dalam asrama sekolah

Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my



Shah Alam: Seorang lelaki ditahan susulan laporan polis dibuat tiga pelajar perempuan mendakwa mereka menjadi mangsa gangguan seksual di asrama sebuah sekolah di Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ibrahim Husin berkata, polis menerima tiga laporan dari semua mangsa berusia 16 tahun pada jam 4.16 petang semalam.

Beliau berkata, kejadian berlaku di asrama sekolah berkenaan dan kesemua mangsa adalah pelajar Tingkatan Empat dan dari kelas yang sama.

"Hasil siasatan mendapati suspek berusia 48 tahun menyentuh ketiga-tiga mangsa ketika sedang tidur di katil asrama.

"Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Selangor kemudian menahan suspek pada hari sama dan semakan mendapati dia tidak mempunyai rekod lampau," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Ibrahim berkata, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Kubu Bharu untuk permohonan reman.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

"Dengan tertangkapnya suspek ini polis berjaya menyelesaikan kes sekali gus meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada polis," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pelajar Tingkatan 4 ditemui pengsan selepas dipukul di bilik air asrama sekolah

Oleh [Zuliaty Zulkiffli](#) - November 27, 2025 @ 11:36am



Foto hiasan.

SUNGAI PETANI: Empat pelajar ditahan untuk membantu siasatan berhubung kejadian seorang pelajar lelaki dipukul hingga pengsan sebelum ditemui dalam tandas asrama sekolah berkenaan.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Hanyan Ramlan, mengesahkan penahanan empat pelajar berusia 16 hingga 17 tahun itu susulan kejadian yang dilapor berlaku tengah malam Isnin lalu.

"Setakat ini seorang daripada empat pelajar terbabit iaitu yang berusia 16 tahun direman di Mahkamah Sungai Petani untuk membantu siasatan, manakala tiga yang lain dilepaskan," katanya melalui kenyataan.

Mengulas kejadian itu, beliau berkata ibu mangsa menerima panggilan daripada guru sekolah Isnin lalu pada jam 9.05 pagi, memaklumkan anaknya ditemui pengsan dalam tandas sekolah itu.

Pelajar itu kemudian dibawa ke Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) untuk mendapatkan rawatan.

"Ibu mangsa memaklumkan, anaknya memberitahu dia dipercayai dipukul beberapa pelajar kira-kira jam 12.10 tengah malam Isnin lalu sehingga pengsan.

"Siasatan mendapati kejadian berlaku dalam asrama sekolah dengan punca dipercayai kerana mangsa dikatakan memburukkan rakan kepada salah seorang pelajar terbabit.

"Berikutan itu suspek mengajak tiga lagi rakannya untuk mencari mangsa sehingga menyebabkan pergaduhan berlaku," katanya.

Hanyan berkata, ini kejadian pertama membabitkan sekolah itu dan tiada kamera rakaman litar tertutup (CCTV) di lokasi kejadian.

Kes disiasat mengikut Seksyen 507 Kanun Keseksaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pelajar dipukul hingga pengsan: Lima pelajar dibuang sekolah, tiga digantung

Zuliaty Zulkiffi
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Alor Setar: Lima pelajar sebuah sekolah menengah di Sungai Petani dibuang manakala tiga lagi digantung selepas didapati terbabit [dalam insiden pergaduhan](#). Isnin lalu.

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah dalam kenyataan berkata, pihaknya mengambil serius insiden pergaduhan itu yang membabitkan sekumpulan pelajar.

Katanya, pihak sekolah juga sudah selesai menjalankan siasatan dalaman yang dilakukan secara menyeluruh.

"Hukuman tegas gantung dan buang sekolah sudah diambil ke atas pelajar yang bersalah semalam.

"JPN Kedah menegaskan tiada kompromi terhadap isu buli, keganasan dan salah laku pelajar," katanya.

Dalam pada itu, JPN turut menasihati semua institusi pendidikan di negeri ini diminta mematuhi prosedur pengurusan disiplin semasa, mengutamakan keselamatan murid dan melaksanakan intervensi pencegahan bagi memastikan kesejahteraan seluruh warga pendidikan terpelihara.

Media sebelum ini melaporkan, polis menahan empat pelajar untuk membantu siasatan berhubung kejadian seorang pelajar lelaki dipukul hingga pengsan.

Mangsa kemudian ditemui di dalam tandas asrama sekolah berkenaan.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Hanyan Ramlian dilaporkan berkata, ibu mangsa menerima panggilan daripada guru sekolah itu Isnin lalu pada jam 9.05 pagi memaklumkan anaknya ditemui pengsan dalam tandas.

Beliau berkata, anaknya kemudian dibawa ke Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) untuk mendapatkan rawatan.